



**PERTANDINGAN VIDEO KREATIF “HENTIKAN, STOP IT” 2019
SEMPENA KEMPEN MENANGANI SERGALA BENTUK KEGANASAN
TERMASUK GANGGUAN SEKSUAL**

A. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan Video Kreatif “Hentikan, *Stop It*” Tahun 2019 bertujuan untuk menyemarakkan Kempen Menangani Sebarang Bentuk Keganasan termasuklah Kempen Menangani Gangguan Seksual yang berlaku di Malaysia.
2. Pertandingan Video Kreatif ini akan menggunakan tema “**Hentikan, *Stop It***” yang membawa mesej kesemua masyarakat adalah diseru untuk mengambil tindakan yang proaktif untuk mencegah dan melindungi golongan yang sering menjadi mangsa seperti wanita, kanak-kanak dan lain-lain terhadap segala bentuk keganasan dengan mewujudkan persekitaran yang selamat di seluruh negara.
3. **Objektif pertandingan** adalah:
 - i. Sebagai bahan advokasi utama bagi mendidik dan menyedarkan masyarakat untuk bersama-sama bergerak secara kolektif mencegah sebarang bentuk keganasan termasuk gangguan seksual; dan
 - ii. Memberi pendedahan dan kesedaran berkaitan hak-hak dan bentuk-bentuk perlindungan yang boleh diberikan oleh masyarakat untuk melindungi khususnya melindungi wanita daripada pelbagai bentuk keganasan.
4. Pertandingan Video Kreatif “**Hentikan, *Stop It***” merupakan anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita.
5. **Tempoh pertandingan ini adalah selama dua (2) bulan bermula dari 5 Ogos hingga 5 Oktober 2019.**

B. KELAYAKAN PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia (orang perseorangan/ kumpulan), organisasi (Awam/ Swasta/ NGO, dsb) serta pelajar Universiti Awam (UA), Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia.

C. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah **percuma**.
2. Penyertaan terbuka kepada **individu atau berkumpulan**.
3. Setiap individu/ organisasi/ institusi hanya dibenarkan menghantar tidak lebih daripada lima (5) penyertaan (video) sahaja (individu @ berkumpulan).
4. Setiap penyertaan dari organisasi/ institusi perlu mendapat **persetujuan dan kelulusan** organisasi atau institusi masing-masing sebelum dihantar untuk penyertaan pertandingan.
5. Konsep video wajib mempunyai unsur **teladan, yang mengajak penonton untuk melakukan kebaikan dan melindungi masyarakat terutamanya wanita dan kanak-kanak perempuan**.
6. Kos penghasilan video **ditanggung sepenuhnya oleh peserta**.
7. Tema video berdasarkan konsep "**Hentikan, Stop It**" untuk mencegah segala bentuk keganasan terutamanya terhadap wanita termasuk keganasan dalam bentuk gangguan seksual.
8. Video yang dihasilkan hendaklah meliputi aspek pencegahan, pengawalan, cara mendapatkan bantuan dan lain-lain dalam bentuk **POSITIF** dan **KREATIF**.
9. Durasi video **tidak melebihi 3 minit** (termasuk *opening montage* dan *ending credit*)
10. Video perlu dihantar dalam **Bahasa Malaysia**.

11. Hasil karya hendaklah sesuai untuk **diterbitkan dan dipapar** dalam segala bentuk media (termasuk televisyen). (**Format** yang dibenarkan adalah **AVI, WMV, MOV, FLV dan MP4**).
12. Resolusi minima video yang dihantar adalah **Full HD 1080p (1920x1080 pix)**.
13. Peserta perlu memuat naik video yang ingin dipertandingkan di platform **Google Drive**. Kongsi pautan video (*link video*) tersebut ke alamat e-mel hentikanstopit@gmail.com
14. Peserta dikehendaki untuk menyediakan **sinopsis isi kandungan video tidak melebihi 100 patah perkataan**. (Sila guna jenis tulisan (*font*) *Arial*, saiz tulisan 11 dan *single spacing*).
15. Sila pastikan **semua muzik yang digunakan berstatus bebas royalti**. **Pihak KPWKM tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran AKTA HAK CIPTA**.
16. Karya yang dihasilkan adalah manifestasi kreativiti peserta, mengandungi nilai-nilai murni dan **TIDAK BOLEH** mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan dan tidak menghina mana-mana pemimpin dan individu.
17. Setiap penyertaan mestilah merupakan **karya asal dan bukan hak milik orang lain**. **Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ ciplak**.
18. Setiap hasil karya yang juga mestilah **TIDAK PERNAH** dipertandingkan di mana-mana pertandingan video peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
19. KPWKM berhak untuk membatalkan penyertaan sekiranya berlaku pelanggaran syarat-syarat di atas .

D. TUNTUTAN HAK CIPTA

1. Kesemua penyertaan adalah menjadi **hak milik KPWKM**.
2. KPWKM **berhak** untuk menerbitkan, mengeluarkan, memaparkan, mengedar, menyunting dan menayangkan mana-mana hasil karya

penyertaan untuk sebarang tujuan. Justeru **semua penyertaan tidak boleh dimuat naik di mana-mana media sosial sebelum mendapat kebenaran KPWKM. Video yang digunakan akan dikreditkan kepada pemilik karya.**

E. HADIAH DAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN

1. Tawaran hadiah bagi setiap pemenang adalah seperti berikut :

Hadiah Pertama	Tempat : RM5,000	berserta trofi dan sijil penyertaan
Hadiah Tempat Kedua	: RM3,000	berserta trofi dan sijil penyertaan
Hadiah Tempat Ketiga	: RM2,000	berserta trofi dan sijil penyertaan

2. Setiap karya akan dinilai keaslian, isi kandungan, konsep, keupayaan mesej dan kreativiti serta kualiti produksi oleh panel juri yang dilantik oleh pihak KPWKM.
3. Pemenang akan dihubungi melalui emel dan telefon.
4. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.

F. TEMPOH PERTANDINGAN

1. Tarikh tutup pertandingan adalah pada **5 Oktober 2019 (Sabtu) jam 12.00 tengah hari.**
2. Peserta dikehendaki menghantar e-mel kepada hentikanstopit@gmail.com dengan memuat naik perkara-perkara seperti berikut :
 - ✓ Borang penyertaan Pertandingan Video Kreatif “Hentikan, Stop It” yang lengkap di isi.

- ✓ Sinopsis isi kandungan Video
 - ✓ Pautan video
3. Pihak KPWKM berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan penyertaan yang diterima lewat daripada tarikh tutup 5 Oktober 2019. Bukti penghantaran tidak dianggap bukti penerimaan.
-

Untuk pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi :

Urus setia
Pertandingan Video Kreatif "Hentikan, Stop It"

Bahagian Bimbingan dan Kaunseling
Jabatan Pembangunan Wanita
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 23, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA

Cik Siti Nur Iylia Mamat

03-8323 1889

iylia@jpw.gov.my

Pn. Ajanis Ba-l

03-8323 1628

ajanis@jpw.gov.my

Pn. Noor Lydia Abdullah

03-8323 2105

lydia@jpw.gov.my



PERTANDINGAN VIDEO KREATIF “HENTIKAN, STOP IT” 2019

BORANG PENYERTAAN (BUTIRAN PESERTA)

Nama Penuh : _____
(mengikut kad pengenalan)

No. Kad Pengenalan : _____ **Umur** : _____

Jantina : **Lelaki** **Perempuan**

Alamat Surat-menyurat : _____

No. Telefon : _____

Alamat Emel : _____

Kategori : **Individu** **Kumpulan**

Perakuan : Dengan ini, saya/ kami mengesahkan bahawa peyertaan yang disertakan ini adalah hasil karya asal saya/ kumpulan kami. Saya/ kami bersetuju dengan semua syarat-syarat pertandingan ini.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Untuk Kegunaan Pejabat

Status Dokumen Penyertaan : **Lengkap** **Tidak Lengkap**

Diterima Pada : **Tarikh** **Masa**

Kategori : **Individu** **Kumpulan**

Nama Penerima :

Tandatangan : **Tarikh** :

Nota: Borang yang tidak ditandatangani oleh peserta dikira tidak layak menyertai pertandingan ini.



PERTANDINGAN VIDEO KREATIF “HENTIKAN, STOP IT” 2019

BORANG AHLI KUMPULAN (SENARAI NAMA AHLI)

Nama Ahli (1) : _____
(mengikut kad pengenalan)

No. Kad Pengenalan : _____ Umur : _____

No. Telefon : _____

Alamat Emel : _____

Nama Ahli (2) : _____
(mengikut kad pengenalan)

No. Kad Pengenalan : _____ Umur : _____

No. Telefon : _____

Alamat Emel : _____

Nama Ahli (3) : _____
(mengikut kad pengenalan)

No. Kad Pengenalan : _____ Umur : _____

No. Telefon : _____

Alamat Emel : _____

Nama Ahli (4) : _____
(mengikut kad pengenalan)

No. Kad Pengenalan : _____ Umur : _____

No. Telefon : _____

Alamat Emel : _____

*Sila kosongkan lampiran ini sekiranya penyertaan secara individu.



PERTANDINGAN VIDEO KREATIF “HENTIKAN, STOP IT” 2019

BORANG PERSETUJUAN MENGGUNAKAN GAMBAR/ IMEJ INDIVIDU

2. Dengan ini, saya (seperti penama di bawah) bersetuju bahawa gambar/ imej saya digunakan untuk penerbitan video kreatif “Hentikan dan *Stop It*” bagi pertandingan tersebut yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Penama 1 (Nama) :.....

Tandatangan :..... Tarikh :.....

Penama 2 (Nama) :.....

Tandatangan :..... Tarikh :.....

Penama 3 (Nama) :.....

Tandatangan :..... Tarikh :.....

Penama 4 (Nama) :.....

Tandatangan :..... Tarikh :.....

Penama 5 (Nama) :.....

Tandatangan :..... Tarikh :.....

*Sila sediakan lampiran tambahan sekiranya penama lebih daripada lima (5) orang



PERTANDINGAN VIDEO KREATIF “HENTIKAN, STOP IT” 2019

SINOPSIS/ RINGKASAN ISI KANDUNGAN VIDEO

Format synopsis/ ringkasan adalah menggunakan jenis *font* arial, saiz tulisan 11 dan *single spacing*.

Tajuk Video :

Kategori : Individu Kumpulan

Nama :

Kebenaran Institusi/Organisasi/ Pihak IPT (HEP) *Jika berkenaan

Pengesahan : Sokong/ tidak sokong penyertaan penama seperti di Lampiran A dan Lampiran B untuk menyertai pertandingan Video Kreatif Hentikan, *Stop It* 2019.

Tandatangan :

Nama :

Cop Rasmi :

Tarikh :